

05 SEP 1998

Pegawai Kerajaan

KES ANWAR : PEGAWAI KERAJAAN PERLU TERIMA KENYATAAN, KATA SHAHIDAN

KANGAR, 5 Sept (Bernama) -- Para pegawai kerajaan di negeri ini diminta menerima kenyataan mengenai perkembangan yang berlaku dalam negara sekarang termasuk isu perlucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim tidak mahu ada di kalangan pegawai dan kaki tangan kerajaan menyalah tafsir dari apa yang berlaku itu hingga ada pula di antara mereka yang membuat tuduhan melulu khusus kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan, saya yakin tuan-tuan boleh berfikir dengan waras kerana sudah tentu Perdana Menteri tidak akan bertindak zalim jika tidak mempunyai kaitan dengan masalah ekonomi dan keselamatan negara," katanya semasa berucap kepada para pegawai dan kakitangan kerajaan sempena perhimpunan mingguan di perkarangan Pejabat Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Beliau meminta seluruh kaki tangan kerajaan di negeri ini memberi sepenuh sokongan kepada Perdana Menteri dalam usaha menangani kemelut ekonomi sekarang kerana jika keadaan ekonomi negara sampai ke tahap paling teruk, sudah pasti ia juga akan menjejaskan masa depan para kakitangan kerajaan sendiri.

Katanya, apa yang paling penting di kalangan kakitangan kerajaan ialah membantu menyampaikan maklumat-maklumat tepat kepada rakyat mengenai perkembangan semasa dalam negara sekarang supaya mereka tidak terdedah kepada "khabar angin" yang boleh mencetuskan huru-hara dalam negara.

Menteri Besar mengingatkan rakyat supaya mengelak daripada terbabit dalam apa sahaja kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara kerana keamanan negara amat penting bukan sahaja dalam menjaga maruahnya kepada dunia luar tetapi juga untuk keselamatan rakyat sendiri.

Beliau berharap tidak ada mana-mana pihak yang menidakkan kewibawaan pihak penguatkuasa undang-undang negara kerana mereka sudah banyak pengalaman dan semua pihak harus menghormatinya dalam menegakkan keadilan serta kedaulatan negara.

-- BERNAMA

RIS WAT